

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN

No. Dokumen: APTVM 22(j): 1/2014

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

| | |
|----------------------------------------------------------------------------------|----|
| Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar | 2 |
| 1.0 Pengenalan | 2 |
| 2.0 Objektif | 2 |
| 3.0 Skop | 2 |
| 4.0 Definisi | 3 |
| 5.0 Kata Singkatan | 4 |
| 6.0 Arahan Prosedur Tetap | 5 |
| 7.0 Prosedur Kerja | 5 |
| 7.1 Penyiasatan Masalah Kecacingan di Lapangan | 5 |
| 7.2 Diagnosis Makmal | 5 |
| 7.3 Kawalan Kecacingan | 6 |
| 7.4 Mengenalpasti Masalah Kerintangan Ubat Cacing | 7 |
| 7.5 Pemantauan Keberkesanan Kawalan Kecacingan | 7 |
| 8.0 Rujukan | 8 |
| 9.0 Senarai Lampiran | 8 |
| Lampiran 1 : Jenis –Jenis Cacing | 9 |
| Lampiran 2 : Jenis Ubat Cacing | 10 |
| Lampiran 3 : Kaedah Pemantauan Tahap Anemia Ke Atas Ternakan Menggunakan FAMACHA | 11 |
| Lampiran 4 : Carta Alir Proses Kerja Kawalan Kecacingan Dalam Ruminan | 13 |
| Lampiran 5 : Anggaran berat badan haiwan | 14 |
| Lampiran 6 : Pemantauan Keberkesanan Kawalan Cacing, Kaedah FECRT | 16 |
| Lampiran 7 : Program Kawalan Kecacingan Dalam Ruminan | 17 |
| Jawatankuasa Penyediaan APTVM | 18 |
| Penghargaan | 18 |

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Di Malaysia, masalah kecacingan pada ternakan ruminan adalah masalah utama sejak beberapa dekad yang lalu akibat wujudnya masalah kerintangan ubat cacing. Masalah kecacingan ini perlu diambil berat kerana memberi impak besar terhadap pengeluaran ternakan. Masalah kecacingan boleh menyebabkan kekurangan darah dan nutrien, juga melemahkan sistem imuniti badan dan boleh menyebabkan kematian. Justeru itu, masalah ini membawa kepada kerugian dari segi ekonomi ternakan ruminan.

Namun, disebabkan oleh masalah kerintangan ubat cacing yang di alami di seluruh dunia, kaedah rawatan yang betul perlu dipraktikkan bagi mengawal masalah ini. Memandangkan penyakit ini menyebabkan kerugian kepada penternak, maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah merangka prosedur untuk tujuan mengawal masalah kecacingan.

Matlamat DVS ialah untuk mengurangkan masalah kecacingan pada ternakan agar dapat menghasilkan produk yang berkualiti dan membawa keuntungan. Semoga dengan penerbitan APTVM ini, harapan DVS agar semua pegawai dan pengusaha ternakan dapat melaksanakan prosedur langkah kawalan sebagai panduan dalam program mengawal masalah kecacingan dalam ternakan ruminan.

DATO' DR. MOHAMAD AZMIE BIN ZAKARIA
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN

1.0. PENGENALAN

Masalah kecacingan merupakan perkara yang perlu diambil berat oleh industri ternakan ruminan terutamanya ternakan kambing. Pengurusan haiwan ternakan yang baik boleh memberi kesan positif dari segi pengeluaran produk ternakan dan status kesihatan ternakan. Bagi skop masalah kecacingan, ternakan kambing adalah haiwan yang sangat mudah terdedah dengan masalah ini. Jenis cacing yang lazim dijumpai dalam ruminan adalah dari jenis nematod (cacing gelang), cestod (cacing pita) dan trematod (cacing pipih).

Kawalan masalah kecacingan yang berkesan adalah bergantung kepada pengurusan kesihatan gerompok yang baik, penggunaan ubat cacing yang berkesan dan kaedah pengurusan kawalan kecacingan yang betul. Pemantauan dan persampelan perlu dijalankan di ladang-ladang ternakan dan premis haiwan dan tumpuan akan diberikan untuk memberi khidmat nasihat berkenaan pengurusan ubat cacing dan pengurusan kesihatan ternakan di ladang ternakan atau premis haiwan.

2.0. OBJEKTIF

- 2.1. Menyediakan garis panduan kepada Pegawai Perkhidmatan Veterinar mengenai cara kawalan masalah kecacingan yang berkesan.
- 2.2. Memberi kesedaran kepada Pegawai Perkhidmatan Veterinar terhadap kepentingan pengawalan cacing yang betul dan disampaikan kepada penternak dalam perkhidmatan pengembangan.
- 2.3. Memupuk Pegawai Perkhidmatan Veterinar melaksanakan langkah-langkah yang telah digariskan dengan penuh integriti dan bertanggungjawab bagi menangani masalah kecacingan di lapangan.

3.0. SKOP

APTV ini mengandungi panduan untuk;

- 3.1. Mengesan tahap kecacingan pada ternakan, merangkumi kefahaman tanda-tanda klinikal dan keputusan pengiraan telur cacing (epg) dan mengenalpasti keberkesanan ubat cacing (FECRT).

- 3.2. Mengawal masalah kecacingan terhadap ternakan ruminan dengan penggunaan antelmintik yang betul termasuk anggaran dos ubat cacing dan pengurusan ladang yang baik.

4.0. DEFINISI

4.1. Cacing

Beberapa jenis binatang yang bulat atau pipih panjang dan tidak beranggota, yang hidup dalam air, tanah, perut manusia atau binatang (Lampiran 1).

4.2. Kajian Cacing

Kajian tentang cacing.

4.3. Kecacingan

Jangkitan oleh beberapa spesis cacing kepada ternakan. (Jangkitan oleh coccidian sp. juga diambil kira dalam skop kecacingan).

4.4. Kiraan Telur Cacing (Faecal Egg Count)

Kiraan bilangan telur cacing dalam tinja haiwan biasanya disebut telur per gm (epg).

4.5. Teknik McMaster

Satu teknik diagnosis makmal secara kuantitatif untuk mengira bebanan telur cacing dalam tinja seperti telur strongil dan coccidia dengan menggunakan slaid McMaster.

4.6. Selaput basah (*mucous membrane*)

Lapisan tisu yang mengandungi kelenjar mukus, yang melapik saluran atau rongga tertentu dalam tubuh.

4.7. FAMACHA (Fafa Malan Chart - pengasas sistem)

Satu sistem untuk menentukan tahap anemia pada bebiri dan kambing bagi mengesan tahap kecacingan untuk tujuan rawatan.

4.8. Teknik pengapungan (*floatation*)

Teknik diagnosis makmal secara kualitatif untuk mengesan telur cestod dan nematod dalam tinja.

4.9. Telur (Egg)

Sel pembiakan atau gamet betina yang belum disenyawakan.

4.10. Larva atau L3

Anak cacing strongil di peringkat berjangkit.

4.11. FECRT

Ujian penurunan kiraan telur dalam tinja (*Faecal egg count reduction test*).

4.12. Skor Badan

Penentuan keadaan badan ternakan.

4.13. Pakar

Individu yang berpengetahuan tinggi mengenai sesuatu bidang.

4.14. Beban cacing tinggi

Bilangan telur cacing melebihi daripada 2,000 epg, FAMACHA 1 atau 2, PCV <20% dan skor badan 1-3, menunjukkan tanda-tanda klinikal.

4.15. Beban cacing rendah

Bilangan telur sebanyak 501 – 2,000 epg, FAMACHA 3 - 5, PCV 20-25% dan skor badan 3-5, subklinikal.

4.16. Kerintangan ubat cacing (*anthelmintic resistance*)

Keupayaan cacing untuk mengelak terkesan aktiviti ubat cacing apabila diguna pada dos yang disyorkan oleh pengeluar.

4.17 Antelmintik

Bahan kimia atau ubat-ubatan yang digunakan untuk menyingkir parasit helmin dari hosnya (Lampiran 2).

4.18 Tinja

Najis atau sisa buangan saluran pencernaan haiwan.

4.19 Hematologi

Cabang sains perubatan yang berkaitan dengan kajian penyakit darah dan tisu pembentuk darah.

4.20 Anemia

Keadaan darah yang kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dan menyebabkan penghidapnya berasa lemah dan pucat.

4.21 Effective Microbe (EM)

Campuran mikroorganisma yang terpilih yang berupaya memberi pelbagai faedah.

4.22 Pihak Berkuasa Veterinar (PBV)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang, 1953 (Akta 647) (Semakan 2006).

4.22 Pegawai Kes (PK)

Pegawai yang bertanggungjawab kepada sesuatu kes penyakit haiwan atau sesuatu indeks penyakit dan dilantik untuk mengurus, menyelaras dan/atau menjalankan langkah kawalan dan memantau status penyakit atau indeks penyakit berkenaan.

4.23 Fail Kes (FK)

Dokumen yang mengandungi semua maklumat kes meliputi latarbelakang, sejarah, pengamatan gejala, dan tindakan rawatan dan kawalan, diambil yang dicatatkan dalam Helaian Kes. Fail kes akan mengandungi Helaian Kes yang boleh ditambah untuk mencatatkan tindakan susulan sehingga kes ditutup. (Rujuk APTVM Pengurusan Fail Kes)

4.24 Helaian Kes

Kertas catatan yang mengandungi tarikh, pengamatan, gejala, diagnosis, rawatan, preskripsi dan nama serta tandatangan Pegawai Kes yang menjadi kandungan Fail Kes.

5.0. KATA SINGKATAN

| | | |
|------|---------|------------------------------------------------|
| 5.1 | APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 5.2 | DVS | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 5.3 | DVSN | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri |
| 5.4 | epg | - eggs per gram |
| 5.5 | EM | - Effective microbes |
| 5.6 | FAMACHA | - Fafa Malan Chart |
| 5.7 | FEC | - Faecal Egg Count |
| 5.8 | FECRT | - Faecal Egg Count reduction Test |
| 5.9 | FK | - Fail Kes |
| 5.10 | GIT | - Gastrointestinal tract (Saluran Penghadaman) |
| 5.11 | PBV | - Pihak Berkuasa Veterinar |
| 5.12 | PCV | - Packed cell volume |
| 5.13 | PGE | - Parasitic Gastroenteritis |
| 5.14 | PK | - Pegawai Kes |
| 5.15 | PPE | - Personal Protective Equipment |

6.0. ARAHAN PROSEDUR TETAP

- 6.1 Langkah kawalan kecacingan hendaklah berpandukan kepada APTVM Kawalan Kecacingan Dalam Ruminan.
- 6.2 Prosedur kawalan kecacingan perlu dipatuhi oleh semua PBV yang terlibat dengan kerja di lapangan.
- 6.3 Prosedur kerja ini meliputi penyiasatan, persampelan, ujian makmal, kawalan kecacingan dan pemantauan.
- 6.4 PBV di peringkat Negeri dan Persekutuan bertanggungjawab memastikan prosedur dipatuhi oleh semua anggota di bawah pengawasan masing-masing.

7.0 PROSEDUR KERJA

7.1 Penyiasatan Masalah Kecacingan di Lapangan

- 7.1.1. Setelah aduan diterima dari penternak yang mengesyaki masalah kecacingan pada ternakan, Fail Kes perlu dibuka untuk merekodkan maklumat yang mencukupi seperti latar belakang ladang ternakan, tanda-tanda klinikal dan sejarah ternakan. Rujuk APTVM Pengurusan Fail Kes.
- 7.1.2 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri akan menetapkan seorang Pegawai Kes (PK) untuk mengendalikan kes berkenaan dari mula hingga kes ditutup.
- 7.1.2. Pemilik ternakan hendaklah dimaklumkan bahawa PK akan ke lokasi untuk membuat penyiasatan yang lebih lanjut.
- 7.1.3. Perkakasan perlindungan keselamatan hendaklah disediakan sebelum penyiasatan dijalankan seperti PPE, disinfektan dan keperluan peralatan mengambil sampel dan borang penghantaran sampel.
- 7.1.4 Ketika penyiasatan dijalankan;
 - 7.1.4.1 PPE yang bersesuaian perlu dipakai
 - 7.1.4.2 Maklumat sejarah kes diambil dengan lebih terperinci.
 - 7.1.4.3 Pemerhatian keseluruhan keadaan ladang dan ternakan dicatat.
 - 7.1.4.4 Ternakan yang disyaki mengalami masalah kecacingan diperiksa untuk tanda-tanda klinikal seperti; selaput basah pucat (boleh rujuk tahap anemia menggunakan FAMACHA, rujuk Lampiran 3), badan kurus, bulu kusut, bengkak rahang bawah (*bottle jaw*), cirit-birit, murung, kurang aktif.
- 7.1.5. Jika ternakan disyaki menghadapi masalah kecacingan, spesimen yang sesuai hendaklah diambil untuk ujian pengesahan di makmal (contoh: tinja, darah).
- 7.1.6. Sekiranya ada ternakan yang mati, bedah siasat perlu dijalankan dan spesimen yang sesuai perlu diambil untuk ujian pengesahan penyakit di makmal (organ seperti hati, GIT, tinja atau cacing). Rujuk kepada Manual Persampelan.

7.2 Diagnosis Makmal

- 7.2.1 Sampel yang diterima dari lapangan perlu didaftar dan dihantarkan ke makmal Parasitologi/Hematologi untuk mengesahkan masalah kecacingan.
- 7.2.2 Teknik yang digunakan untuk mengesan telur cacing dalam tinja adalah kaedah McMaster, apungan telur cacing (*floatation*) dan pemendapan telur cacing (*sedimentation*).
- 7.2.3 Tahap anemia boleh dikenalpasti melalui ujian parameter darah (PCV).

- 7.2.4. Keputusan ujian makmal yang positif dan tanda-tanda klinikal perlu dikaji oleh PK bagi mengesahkan masalah kecacingan di ladang berkenaan. Bilangan epg akan menentukan sama ada beban kecacingan tinggi atau rendah dan seterusnya menentukan rawatan dan kawalan kecacingan yang bersesuaian. Jadual 1 menunjukkan cara menentukan tahap infeksi bebanan cacing.

| FEC (epg) | Tahap Infeksi Kecacingan |
|-----------|-------------------------------------------------------|
| 0-500 | Tahap Bukan klinikal. Tiada tanda. |
| 501-2,000 | Tahap Sub-klinikal. Menjejaskan kenaikan berat badan. |
| >2,000 | Tahap Klinikal. Tanda klinikal yang jelas. |

Jadual 1: Tahap infeksi bebanan cacing mengikut epg.

7.3 Kawalan Kecacingan

Kaedah kawalan kecacingan dijalankan mengikut tahap bebanan cacing pada ternakan tersebut. Carta aliran proses kerja dan kawalan masalah kecacingan pada ternakan ruminan adalah ditunjukkan di Lampiran 4. Kawalan masalah kecacingan di ladang perlu dilaksanakan berdasarkan beberapa cadangan kaedah yang disarankan.

- 7.3.1. Program **pemberian ubat cacing** adalah melibatkan semua gerompok ternakan di ladang. Pemberian ubat cacing hendaklah mengikut dos yang betul berdasarkan berat badan dan dos ubat.

7.3.1.1 Kaedah pemberian ubat cacing yang betul

- i. Haiwan ditimbang untuk mendapatkan berat badan. Anggaran berat haiwan boleh dibuat dengan menggunakan teknik ukur lilit dada (Lampiran 5).
- ii. Cara pemberian ubat
 - Oral : Menggunakan ‘drenching gun’ untuk memberikan ubat dengan meletakkan bahagian rod di atas lidah ternakan dan memastikan ubat ditelan.
 - Pour on : Meletakkan ubat jenis ‘pour on’ di bahagian atas badan.
 - Suntikan : Menggunakan alat suntikan yang sesuai dengan dos ubat. Suntik ubat di lokasi yang disarankan oleh pengeluar ubat.

- 7.3.1.2 Bagi ternakan yang mempunyai beban cacing yang tinggi, pemilihan ubat cacing yang sesuai adalah perlu untuk memastikan kerintangan ubat cacing tidak terjadi.
- i. Kaedah FECRT dijalankan untuk mengetahui jenis ubat yang berkesan untuk rawatan. Perlaksanaan kaedah ini juga bergantung kepada bilangan ternakan di ladang tersebut (Lampiran 6).

- 7.3.2. Memberi khidmat nasihat mengenai **pengurusan ragutan dan pastura** yang betul untuk kawalan cacing.

- 7.3.2.1 Semua ternakan perlu dikurung di dalam kandang (langkah kritikal) dan hanya diberi makan rumput secara potong dan angkut (*cut and carry*) selama satu bulan.
- 7.3.2.2 Sekiranya tinja akan digunakan sebagai baja pastura, ia perlu dibiarkan selama sebulan sebelum digunakan untuk menghentikan kitaran hidup spesis cacing bagi memastikan jangkitan cacing tidak berlaku pada ternakan [Larva cacing (L3) dalam tinja akan mati dalam masa satu bulan].
- 7.3.2.3 Setelah dikurung selama satu bulan, kambing boleh dilepaskan untuk meragut dan pemantauan tahap kecacingan perlu dijalankan dalam tempoh sebulan setelah dilepaskan.

APTM KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN

- 7.3.2.4 Mempertingkatkan pengurusan ladang bagi mengelakkan sebarang tekanan (*stress*) pada ternakan. Pemakanan yang mencukupi dan berkualiti, pengudaraan yang baik, kepadatan ternakan yang sesuai dalam kandang hendaklah diamalkan.
- 7.3.3 Penggunaan **effective microbes (EM)** dalam pengurusan ternakan.
- 7.3.3.1 Dicampurkan dalam makanan.
 - 7.3.3.2 Dimasukkan dalam air minum.
 - 7.3.3.3 Menyembur EM disekeliling kandang.
- 7.3.4 Penggunaan **produk herba**
- 7.3.4.1 Daun semambu diberikan secara segar sebagai makanan tambahan kepada ternakan.
- 7.4. Masalah Kerintangan Ubat Cacing**
- 7.4.1. Kerintangan ubat cacing boleh berlaku sekiranya pemberian ubat cacing tidak mengikut dos dan kaedah yang salah.
 - 7.4.2. Penggunaan jenis ubat cacing yang sama dengan terlalu kerap (di beri setiap bulan) boleh mengakibatkan masalah kerintangan. Ubat cacing perlu diberikan secara berjadual mengikut umur ternakan (Lampiran 7).
 - 7.4.3. Pengetahuan berkenaan kaedah jangkitan cacing dan kawalan kecacingan di lapangan perlu di dalami untuk mengelak kerintangan ubat cacing.
 - 7.4.4. Setiap ladang perlu merekodkan pemberian ubat cacing dan dipantau oleh PBV.
 - 7.4.5. Tiada tanda pengenalan pada ternakan (nombor ID) boleh menyebabkan program pemberian ubat cacing tidak dapat diuruskan dengan tepat dan lancar.
- 7.5. Pemantauan Keberkesanan Kawalan Kecacingan**
- 7.5.1. Selepas ternakan dikurung selama sebulan, ternakan dibenarkan semula untuk meragut.
 - 7.5.2. Dalam tempoh sebulan selepas ternakan dibebaskan, PK perlu memantau beban cacing pada ternakan dengan mengambil spesimen tinja dan dihantar ke makmal untuk diuji semula.
 - 7.5.3. Jika tiada peningkatan beban cacing pada ternakan (tiada atau <500 epg) dalam masa sebulan selepas ternakan dilepaskan menggambarkan cara kawalan kecacingan (secara berkurung) amat berkesan. Amalan pengurusan ternakan dan pastura yang betul perlu diteruskan untuk mengekalkan beban cacing yang rendah.
 - 7.5.4 Jika beban cacing meningkat hingga ke tahap sub-klinikal, maka tindakan rawatan semula hendaklah dilakukan seperti di Lampiran 4.
 - 7.5.5 Masalah kecacingan di ladang yang tidak dapat diselesaikan hendaklah dirujuk kepada yang pakar dalam bidang parasitologi dan kecacingan. Ujian keberkesanan ubat cacing perlu dijalankan jika masalah cacing tidak dapat dikawal

8.0 RUJUKAN

- 8.1. Guidelines for FECRT World Association for Advancement of Vet Parasitology (WAAVP)
- 8.2. Manual on Parasitology, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, 1992
- 8.3. William J. F. (2001). Veterinary Parasitology Reference Manual (5th Edition). Blackwell Publishing
- 8.4. Cooperia spp. Retrieved from http://us.merial.com/producers/pdfs/Cooperia_spp.pdf
- 8.5. Gastrointestinal Parasites of Cattle. Retrieved from http://www.merckmanuals.com/vet/digestive_system/gastrointestinal_parasites_of_ruminants/gastrointestinal_parasites_of_cattle.html
- 8.6. A Haemonchus contortus Management Plan for Sheep and Goat in Texas. Retrieved from <http://animalscience.tamu.edu/files/2012/04/L5095-haemonchus.pdf>
- 8.7. How Much Your Animal Weight? Retrieved from <http://ag.arizona.edu/backyards/articles/winter07/p11-12.pdf>
- 8.8. Getting Your Cattle Weights Without a Scale. Retrieved from <http://www.piedmontese.org/GettingYourCattleWeightsWithoutaScale.htm>
- 8.9. Parasitology lecture note, upm, Prof Dr Rehana Abdullah Sani
- 8.10. Chandrawathani, P. et. al (2013). Evaluation Of Neem Leaf (Azadirachta Indica) Product For Worm Control On Goats. Malaysian Journal of Veterinary Research. Vol 4, pg 5-12
- 8.11. Chandrawathani, P. et. al (2011). The Use Of Effective Microbes For Worm Control In Goats – A Preliminary Study. Malaysian Journal of Veterinary research. Vol 2, pg 57-60
- 8.12. Pusat Rujukan persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. www.prpm.dbp.gov.my.

9.0 Senarai Lampiran

- Lampiran 1 : Jenis Ubat Cacing
- Lampiran 2 : Jenis –jenis Parasit
- Lampiran 3 : Kaedah Pemantauan Tahap Anemia Ke Atas Ternakan Menggunakan FAMACHA
- Lampiran 4 : Carta Alir Proses Kerja Kawalan Kecacingan Dalam Ruminan
- Lampiran 5 : Anggaran berat badan haiwan
- Lampiran 6 : Pemantauan Keberkesanan Kawalan Cacing, Kaedah FECRT
- Lampiran 7 : Program Kawalan Kecacingan Dalam Ruminan

JENIS – JENIS CACING

| CACING | NAMA BIASA | ORGAN | PERUMAH | SAIZ | TANDA KLINIKAL |
|------------------------------------|----------------------------------|--------------------|----------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nematod | | | | | |
| <i>Haemonchus contortus</i> | Barber's pole worm and wire worm | Abomasum | Kambing & biri-biri | 10-30mm | Tiada atau sedikit cirit-birit, anemik, bengkak (<i>bottle jaw</i>), kurus, lemah |
| <i>Trichostrongylus axei</i> | Small stomach worm | Abomasum | Lembu | 4-8mm | Cirit-birit, dehidrasi, kurus |
| <i>Oesophagostomum columbianum</i> | Nodular Worm | Usus besar | Biri-biri & lembu | 14-22mm | Hilang selera makan, cirit-birit berterusan, kurus |
| <i>Cooperia spp.</i> | cooperid | Usus kecil | Lembu, kambing & biri-biri | 5-8mm | Cirit-birit berterusan, tidak anemik, kurus |
| <i>Trichuris suis</i> | whipworms | Usus besar, caecum | Babi | 5-8cm | Hilang selera makan, cirit-birit berdarah, dehidrasi |
| <i>Ascaris suum</i> | Large roundworm | Usus kecil | Babi | 25-40cm | Kadar tumbuh-saran menurun, masalah pernafasan, kurus |
| <i>Strongyloides ransoni</i> | Intestinal threadworm | Usus kecil | Babi | 3.5-6mm | Jarang menunjukkan tanda klinikal, cirit-birit, hilang selera makan, tinja berdarah |
| <i>Oesophagostomum dentatum</i> | Nodular worm | kolon | Babi | 7-15mm | Cirit birit, |
| <i>Heterakis gallinarum</i> | Caecal worm | caecum | Ayam | 7-15mm | Tidak ada tanda klinikal yang jelas. |
| <i>Capillaria spp</i> | Hair worm | Usus kecil | Ayam | 60mm | Usus berdarah, cirit-birit, anemik |
| <i>Ascaridia galli</i> | Round worm | Usus kecil | Ayam | 50-116mm | Tiada tanda klinikal yang jelas. Cacing yang banyak boleh menyebabkan usus berdarah, tersumbat dan mati. |
| <i>Syngamus trachea</i> | Tracheal worm | Trakea | Ayam | 1-2mm | Susah untuk bernafas, batuk |
| <i>Tetrameris sp</i> | Stomach worm | proventriculus | Ayam | cacing jantan panjang 6mm, cacing betina berbentuk bulat 5mm | anemik |
| <i>Oxyspirura mansoni</i> | Eye worm | Mata | Ayam | 12-18mm | Biasa tidak tanda klinikal tetapi kadangkala boleh menyebabkan mata bengkak |
| Cestod | | | | | |
| <i>Moniezia spp</i> | Milk tapeworm | Usus kecil | ruminan | > 2m | Tidak menunjukkan tanda klinikal |
| <i>Raillietina</i> | Tape worm | Usus kecil | Ayam | 30cm | Jangkitan kronik yang teruk - anemik, berat badan menurun, pendarahan di usus. Jangkitan ringan- tidak ada tanda klinikal |

APTM KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN



| Trematod | | | | | | |
|-------------------------------|-------------------|------------------|---------|-------------|---------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| <i>Fasciola gigantica</i> | Giant liver fluke | Saluran hempedu | ruminan | 35mmX15mm | Kematian anemik, sakit di abdomen | secara tiba-tiba, anemik, sakit di bahagian abdomen |
| <i>Paramphistomum sp.</i> | Rumen fluke | Rumen, reticulum | ruminan | 5-15mm | Cirit-birit berterusan, lemah | anemik, |
| <i>Eurytrema pancreaticum</i> | Pancreatic fluke | pankreas | ruminan | 8-16mmX6 mm | Tiada tanda-tanda klinikal yang jelas | |

JENIS – JENIS UBAT CACING


| UBAT | CACING | DOS | SPESIS | TEKNIK LALUAN | AKSI |
|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|---------------|------------------------------------------------------------------------------|
| Benzimidazole | | | | | |
| Fenbendazole | | Lembu- 7.5mg/kg kambing and berbiri - 5mg/kg | Lembu Kambing | Oral | Menyebabkan cacing lumpuh dan lembik. Membunuh telur cacing |
| Albendazole (Albenthic plus®) (Albendazole 10%®) | Nematodes GI Helminths Liver Fluke | 1ml/5kg Berbiri & kambing - 0.5ml/10kg Lembu- 4ml/50kg Berbiri & kambing- 1ml/10kg Lembu - 7.5ml/50kg | Ruminan | Oral | |
| Thiabendazole | <i>Ascaris suum</i> | 200mg/kg | Swine | Oral | |
| Imidazothiazole | | | | | |
| Tetramisole | <i>Ascaridia, Hetrakis</i> | 10mg/kg | Unggas | Oral | Menyebabkan cacing lumpuh tetapi tidak dapat membunuh larva cacing. |
| Levamisole (levaminthic 2.5%®) (Nilverm coopers®) | <i>Haemonchus, Oesophagostomum, Ostertagia, Trichostrongylus.</i> | Lembu, berbiri, kambing- 7.5mg/kg Berbiri - 2.5ml/10kg Lembu- 10ml/25kg | Ruminan | Oral | |
| Tetrahydropyrimidine | | | | | |
| Pyrantel | <i>Ascaris suum</i> | 8.5mg/kg | Babi | Oral | Menyebabkan cacing menjadi rumpuh. |
| Avermectin | | | | | |
| Ivermectin (Kelamectin 1%®) | <i>Strongyloides westeri</i> <i>Strongylus</i> | 1ml/50kg | Ruminan Ekuin | suntikan (SQ) | Membunuh larva migrasi . |
| Salicylanilides | | | | | |
| Closantel (Flukiver 5%®) | Liver flukes | 1ml/10kg | Ruminan | suntikan (SQ) | Menjejaskan pergerakan cacing dan proses yang lain. |

KAEDAH PEMANTAUAN TAHAP ANEMIA KE ATAS TERNAKAN MENGGUNAKAN FAMACHA

Warna selaput basah ternakan akan dibandingkan pada carta FAMACHA untuk menentukan tahap anemia ternakan tersebut.



sumber : Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh

CARTA ALIR PROSES KERJA KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN

ANGGARAN BERAT BADAN TERNAKAN

Berat badan boleh dianggar dengan mengukur ukur lilitan badan dan merujuk kepada jadual yang disediakan mengikut spesis haiwan atau menggunakan formula yang diberi. Timbang berat haiwan dengan penimbang amat digalakkan kerana ia lebih tepat.

1.0 Cara mendapatkan berat haiwan dengan ukur lilitan badan ('heart girth') dan rujuk kepada jadual**1.1 Lembu, kambing & biri-biri**

- i. Haiwan berdiri dengan posisi kepala yang normal dan keempat-empat kaki berdiri tegak dan sama rata.
- ii. Pastikan tali pengukur mengelilingi dada (*girth*).
- iii. Disarankan supaya haiwan tidak makan dan minum selama 12 jam sebelum diukur.

Jadual dibawah menunjukkan berat badan lembu:


| Ukuran dada (inci) | Berat (paun): 1kg=2.204 |
|--------------------|----------------------------|--------------------|----------------------------|--------------------|----------------------------|--------------------|----------------------------|
| 30 | 91 | 45 ^{1/2} | 297 | 48 ^{1/2} | 358 | 75 ^{1/2} | 1186 |
| 30 ^{1/2} | 95 | 46 | 307 | 49 | 369 | 76 | 1205 |
| 31 | 99 | 461/2 | 317 | 49 ^{1/2} | 379 | 76 ^{1/2} | 1226 |
| 31 ^{1/2} | 103 | 47 | 327 | 50 | 390 | 77 | 1247 |
| 32 | 108 | 47 ^{1/2} | 337 | 50 ^{1/2} | 401 | 77 ^{1/2} | 1267 |
| 32 ^{1/2} | 113 | 48 | 347 | 51 | 412 | 78 | 1288 |
| 33 | 118 | 63 ^{1/2} | 753 | 51 ^{1/2} | 424 | 78 ^{1/2} | 1310 |
| 33 ^{1/2} | 123 | 64 | 770 | 52 | 436 | 79 | 1332 |
| 34 | 128 | 64 ^{1/2} | 786 | 52 ^{1/2} | 448 | 79 ^{1/2} | 1353 |
| 34 ^{1/2} | 133 | 65 | 802 | 53 | 460 | 80 | 1374 |
| 35 | 139 | 65 ^{1/2} | 818 | 53 ^{1/2} | 472 | 80 ^{1/2} | 1396 |
| 35 ^{1/2} | 145 | 66 | 834 | 54 | 484 | 81 | 1418 |
| 36 | 151 | 66 ^{1/2} | 850 | 54 ^{1/2} | 496 | 81 ^{1/2} | 1440 |
| 36 ^{1/2} | 157 | 67 | 869 | 55 | 509 | 82 | 1463 |
| 37 | 163 | 67 ^{1/2} | 886 | 55 ^{1/2} | 522 | 82 ^{1/2} | 1485 |
| 37 ^{1/2} | 169 | 68 | 903 | 56 | 535 | 83 | 1508 |
| 38 | 176 | 68 ^{1/2} | 921 | 56 ^{1/2} | 548 | 83 ^{1/2} | 1531 |
| 38 ^{1/2} | 183 | 69 | 939 | 57 | 562 | 84 | 1555 |
| 39 | 190 | 69 ^{1/2} | 957 | 57 ^{1/2} | 575 | 84 ^{1/2} | 1578 |
| 39 ^{1/2} | 197 | 70 | 975 | 58 | 589 | 85 | 1601 |
| 40 | 205 | 70 ^{1/2} | 993 | 58 ^{1/2} | 603 | 85 ^{1/2} | 1624 |

APTM KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN

| | | | | | | | |
|-----------------|-----|-----------------|------|-----------------|-----|-----------------|------|
| $40^{1/2}$ | 212 | 71 | 1011 | 59 | 618 | 86 | 1648 |
| 41 | 220 | $71\frac{1}{2}$ | 1030 | $59\frac{1}{2}$ | 632 | $86\frac{1}{2}$ | 1672 |
| $41\frac{1}{2}$ | 228 | 72 | 1049 | 60 | 647 | 87 | 1697 |
| 42 | 236 | $72\frac{1}{2}$ | 1068 | $60\frac{1}{2}$ | 661 | $87\frac{1}{2}$ | 1721 |
| $42\frac{1}{2}$ | 244 | 73 | 1087 | 61 | 676 | 88 | 1745 |
| 43 | 253 | $73\frac{1}{2}$ | 1107 | $61\frac{1}{2}$ | 691 | $88\frac{1}{2}$ | 1770 |
| $43\frac{1}{2}$ | 262 | 74 | 1127 | 62 | 707 | 89 | 1796 |
| 44 | 271 | $74\frac{1}{2}$ | 1147 | $62\frac{1}{2}$ | 722 | $89\frac{1}{2}$ | 1821 |
| $44\frac{1}{2}$ | 279 | 75 | 1167 | 63 | 737 | | |
| 45 | 288 | | | | | | |

2.0. Cara untuk mendapatkan berat haiwan dengan formula.

2.1. Kambing, berbiri dan lembu



Gambar 1

A = Titik bahu

B = titik punggung

C = dari atas bahagian tulang belakang ke bawah yakni pada bahagian belakang bahu

Langkah- langkah

- Mengukur panjang badan dari titik bahu(A) hingga titik punggung(B) seperti gambar 1
- Mengukur ukur lilitan badan (C). Ukuran dibuat dalam inci.
- Berat badan dalam pounds dikira dengan formula seperti berikut:

$$(ukur \ lilitan \ badan \ (\text{heart} \ girth)) \times \text{ukur} \ lilitan \ badan \ (\text{heart} \ girth) \times \text{panjang} \ badan) \div 300 = \text{berat} \ badan \ dalam \ pound$$

PEMANTAUAN KEBERKESANAN KAWALAN CACING**Kaedah FECRT (Ujian Penurunan Perkiraan Telur Dalam Tinja) untuk kambing dan bebiri**

1. Kaedah FECRT dijalankan pada gerompok yang mengalami beban kecacingan yang tinggi.
2. Minimum bilangan ternakan yang diperlukan untuk melaksanakan ujian ini ialah 30 ekor minima yang berumur 8-12 bulan. Ternakan yang dipilih perlu mempunyai nombor ID supaya mudah dirujuk.
3. Semua ternakan yang akan diuji perlu ditimbang, bacaan FAMACHA dan sampel tinja (1 – 3g) diambil secara individu. Sampel tinja diuji di makmal untuk menentukan bilangan telur cacing (epg).
4. Ternakan yang telah diketahui bilangan telur cacing, dibahagikan kepada 5 kumpulan (6-10 ekor/kumpulan) mengikut purata bilangan telur cacing (e.p.g), supaya setiap kumpulan mempunyai purata bilangan telur cacing yang hampir sama.
5. Sebanyak 4 kumpulan akan dirawat dengan ubat cacing yang berlainan. Satu kumpulan akan menjadi kumpulan kawalan (control). Dos ubat cacing diberikan secara individu mengikut dos yang betul (mengikut berat badan). Kumpulan kawalan tidak perlu diberi apa-apa rawatan
6. Jenis-jenis ubat yang akan digunakan ialah Benzimidazoles , Levamisole , Macroyclic Lactones (Ivermectin) dan Salicylanilides (Closantel).
7. Selepas 10-14 hari pemberian ubat, sampel tinja diambil sekali lagi untuk mengetahui bilangan telur cacing (FEC).
8. Kultur tinja (faecal culture) juga dijalankan berasingan mengikut kumpulan
9. Pengiraan berdasarkan formula Coles *et al* (1992) di jalankan untuk melihat keberkesanan ubat cacing terhadap ladang tersebut. *Pengurangan kiraan telur <95% menunjukkan kerintangan cacing tersebut terhadap ubat

PROGRAM KAWALAN KECACINGAN DALAM RUMINAN KECIL

| Umur ternakan | Ujian makmal | Parasit |
|---------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| 1 bulan | Kiraan telur cacing, FEC (epg) Dirawat dengan Piperazine atau sulfatriad | Ascaris, coccidiosis and Strongyloides |
| 3 bulan (cerai susu) | Kiraan telur cacing, FEC Broadspectrum anthelmintic (levamisole, benzimidazole) | Ascaris, coccidiosis and Strongyloides |
| 6 bulan | FEC & kultur larva cacing Broadspectrum anthelmintic | Strongyles |
| Ternakan bunting 1 bulan sebelum dan selepas beranak | FEC Broadspec anthelmintic | Strongyles |
| Semua haiwan meragut | FEC setiap bulan sebanyak 10% daripada gerompok. Jika purata epg > 1500 dan PCV <20%, rawat dengan Broadspec anthelmintic | Strongyles, tapeworms |
| <1 setahun | Lakukan FECRT setiap tahun untuk mengetahui status kerintangan ubat cacing | Strongyles |

Bagi lembu , ubat cacing di beri setahun sekali berdasarkan kiraan telur cacing dan infeksi fluk.
Anak lembu juga perlu di beri dalam masa 1-3 bulan.

JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA KAWALAN KECACINGAN RUMINAN

| | | |
|-----------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penasihat | : | Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria Timbalan Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV) |
| Disediakan oleh | : | Dr. P. Chandrawathani Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh |
| | | Dr. Wan NorulHuda binti Wan Abdul Wahab Unit Parasitologi, Makmal Veterinar Kawasan Kota Bharu |
| | | Dr. Zawida binti Zahari Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, IPPV Putrajaya |
| | | En. Mohammad Masrin Azami Seksyen MIMS, Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh |

PENGHARGAAN

Jutaan Terima kasih kepada semua pihak yang Terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM Kawalan Kecacingan Ruminan, khususnya;

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
3. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
4. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
5. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
6. Semua Ketua Seksyen, IPPV
7. Profesor Dr. Rehana Abdullah Sani, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM
8. Dr. Maria Jamli
9. Dr. Rahmat M. Sheriff
10. En. Tan Chung Ren, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM
11. Cik Arzadtil Bakis binti Zolkaply, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM